

TARIKH : 07/02/2014

MS : 15

UM M/S 15 7/2/14

SPA tidak senarai hitam calon tolak tawaran

PUTRAJAYA 6 Feb. - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) tidak pernah menyenaraikan hitamkan mana-mana calon yang tidak menghadiri temuduga atau menolak tawaran pelantikan dalam perkhidmatan awam.

Pengerusi suruhanjaya itu, Tan Sri Mahmood Adam berkata, dalam kes melibatkan seorang siswazah Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Hazwani Mohd. Hassan, wanita itu tidak perlu risau dengan permohonannya dalam perkhidmatan awam kerana SPA tidak pernah bertindak sedemikian.

Beliau berkata, perkara itu dibuktikan apabila Hazwani, 28, masih dipanggil untuk ditemuduga bagi jawatan Pegawai Sains Gred C41 (Dokumen Analisis) pada 9 Januari lalu.

"Selain itu, Hazwani pernah diprakurkan sebagai calon simpanan SPA bagi jawatan Pegawai Kawalan

Alam Sekitar Gred C41 (Kejuruteraan Kimia dan Alam Sekitar) di Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar pada 15 April 2010.

"SPA bagaimanapun tidak pernah mengeluarkan surat tawaran pelantikan kepada calon simpanan memandangkan pada ketika itu tiada kekosongan jawatan," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Hazwani yang merupakan lulusan Ijazah Sarjana Muda Sains (Kimia Analisis dan Persekitaran) UMT mendakwa hasratnya untuk mendapatkan pekerjaan dalam sektor awam terbantut apabila dia 'dituduh' pernah menolak jawatan yang ditawarkan SPA seperti dilaporkan dalam *Utusan Malaysia* semalam.

Bapa kepada siswazah itu, Mohd. Hassan Ahmad ketika datang ke pejabat *Utusan Malaysia* di Ipoh, Perak kelmarin memaklumkan dia hanya mengetahui anak-



MAHMOOD ADAM

nya itu pernah ditawarkan jawatan Pegawai Kawalan Alam Sekitar gred C41 (Kejuruteraan Kimia dan Alam Sekitar) pada 21 Februari 2011 setelah dimaklumkan oleh pihak SPA ketika menghadiri sesi temuduga suruhanjaya itu di Ipoh bulan lalu.

Menurut Mohd. Hassan, sepanjang sesi berkenaan, penemuduga bertemu-temu mengajukan soalan berhubung penolakan itu yang disifatkan mereka sebagai tidak bertanggungjawab sehingga Hazwani merasa tertekan kerana dia tidak pernah menerima sebarang surat tawaran daripada SPA.

Mahmood dalam pada itu berkata, urusan pengambilan yang dilakukan oleh SPA bergantung kepada kekosongan jawatan yang dilaporkan oleh kementerian atau jabatan.

"Oleh yang demikian, calon perlu memastikan permohonan pen-daftaran mereka masih dalam tem-poh sah laku supaya tidak terlepas peluang dipanggil menjalani pe-periksaan atau temuduga," kata-nya.

TARIKH : 13/2/2014**MS : 75**

PEMAIN KL SPA (kuning) berentap dengan pemain DRB Hicom minggu lalu.

'Perlu lebih agresif'

Oleh Nazri Abu Bakar

sukan@mediaprime.com.my

Melaka: Pemain KL SPA diminta beraksi lebih agresif berdepan FELDA United pada saingan Liga Perdana di Stadium Hang Jebat, Paya Rumput, petang esok.

Jurulatih Mohd Shah Norbit berkata, selepas kemenangan ketiga dicatat ke atas PRAPP, aksi pemain seharusnya lebih tangkas dan penyerang lebih tajam dalam kubu lawan.

"Atas kertas FELDA United memiliki kelebihan berikutan kehadiran ramai pemain berpengalaman termasuk Shukor Adan dan Indra Putra Mahyudin, namun jika pemain fokus tidak mustahil lawan mampu ditumbangkan.

"Sikap terlalu hormat kepada lawan boleh mengundang padah justeru saya mahu pemain tidak

memandang kehebatan pelawat sebaliknya beraksi penuh semangat," kata dia.

Beliau berkata, apa yang penting pemain perlu bijak mengambil peluang terhidang dan benteng pula pantas menutup setiap gerakan lawan.

"Sasaran kami sekurang kurangnya mampu mengutip satu mata. Jika menang pastinya bonus buat pasukan yang baru sahaja mendapat rentak meyakinkan dengan keserasian dalam permainan," katanya.

Mohd Shah berkata, beliau yang menyaksikan aksi FELDA United dengan Sarawak dalam saingan Piala FA kelmarin menegaskan pasukan itu mempunyai kelonggaran di beberapa posisi dan sedang menyusun strategi berkesan menggempur mereka.